

02/03/2000

Ucapan Dr M disiarkan dalam Internet

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Rabu - Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Umno, 11 Mei ini akan disiarkan secara langsung menerusi Internet.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata turut disiarkan secara langsung ialah keputusan pemilihan Majlis Tertinggi (MT) dan perbahasan perwakilan.

"Kita akan menggunakan kaedah persidangan video bagi memastikan mutu gambar dan suara adalah yang terbaik," katanya selepas melancarkan akhbar elektronik parti itu Berita e-UMNO di sini, hari ini.

Beliau berkata, perkembangan secara langsung perhimpunan agung selama tiga hari itu boleh diikuti pada laman web Berita e-UMNO menerusi alamat: [www@umno.org.my/e-umno](http://www.umno.org.my/e-umno).

"Selain perhimpunan agung, anggota juga boleh melayari laman web itu bagi mengikuti secara langsung persidangan berita oleh Presiden parti setiap kali selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno," katanya.

Tengku Adnan berkata, laman web Berita e-UMNO juga akan menyiarkan pelbagai maklumat terkini berhubung perkembangan Umno di seluruh negara di peringkat cawangan, bahagian dan pusat.

"Laman web ini dibahagikan kepada beberapa segmen iaitu amanat pemimpin, berita Umno pusat, segmen Pemuda dan Wanita, segmen Kelab Umno, isu semasa serta isu ekonomi, agama dan sosial," katanya.

Beliau berkata, laman web itu turut menyiarkan secara audio visual rakaman temubual eksklusif dengan pemimpin parti mengenai isu semasa.

"Laman web yang dikemaskini secara harian ini juga menyiarkan berita dalam bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berkata, ahli Umno yang tidak mempunyai komputer di rumah mereka boleh menggunakan kemudahan komputer yang disediakan di pejabat Umno bahagian dan cawangan.

Menurutnya, ahli juga boleh mengemukakan pendapat mereka untuk disiarkan di laman web itu dengan menghantar e-mail ke: info@umno.org.my.

(END)